



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN GERAN *UTM*
*ENCOURAGEMENT RESEARCH (UTMER)***

PINDAAN 2021

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK,
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

zuridah@utm.my

07-5537837

1.0 Pengenalan

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah memperkenalkan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) untuk menyokong dan mempertingkatkan agenda penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejajar dengan status UTM sebagai Universiti Penyelidikan. Agenda ini dilaksanakan untuk mencapai *Envision* yang telah ditetapkan oleh pengurusan Universiti.

Pelaksanaan **Geran UTM *Encouragement* (UTMER)** adalah bertujuan untuk **mencapai tiga (3) objektif** utama iaitu:

- a. Untuk memberikan penggalakkan kepada penyelidik baharu untuk menjalankan penyelidikan;
- b. Untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama dan yang menyumbang kepada KPI Universiti Penyelidikan;
- c. Untuk memperkasakan penyelidikan sedia ada yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara

2.0 Syarat Permohonan

Syarat umum dan kriteria **Geran UTMER** yang telah diperakukan oleh Universiti adalah seperti di bawah:

- a. Staf Akademik MESTILAH bukan staf yang disenarai hitam
- b. Telah menyelesaikan dan menghantar laporan akhir bagi projek yang telah tamat.
- c. Terbuka kepada semua staf akademik berstatus Tetap ATAU Kontrak. Namun begitu perlu mempunyai **satu (1) ahli penyelidik** berstatus tetap bagi yang masih berbaki tempoh perkhidmatan kurang **satu (1) tahun**.
- d. Mesti mempunyai ahli penyelidik sekurang-kurangnya **dua (2) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan**.
- e. Jumlah maksimum ahli penyelidik adalah seramai **empat (4) orang**.
- f. Staf akademik yang bercuti belajar/ cuti sebatikal tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik.
- g. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu permohonan geran GUP
- h. Semua permohonan hendaklah disemak, dinilai oleh Research Alliance dan mesti diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP)
- i. Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak dipertimbangkan.

3.0 Kriteria Permohonan

- 3.1 Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) *Signature Research* UTM



- 3.2 Proposal perlu bersifat *value driven* atau yang berpotensi menghasilkan harta intelek
- 3.3 Keutamaan diberi kepada projek yang memenuhi elemen *Quadruple Helix*

4.0 Siling Permohonan

- 4.1 Jumlah siling bagi setiap permohonan **Geran UTMER** adalah **RM 20,000.00** bagi penyelidik daripada **bidang Sains dan teknologi (S&T)** dan **RM 15,000.00** bagi penyelidik daripada **bidang bukan sains dan teknologi (Non S&T)**.

5.0 Tempoh Penyelidikan

- 5.1 Tempoh pelaksanaan Geran UTMER adalah selama **Dua (2) tahun**.

6.0 Peraturan Kewangan

- 6.1 Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan.

V-SIRI	KETERANGAN	Catatan
V11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	<ul style="list-style-type: none"> o Elaun bagi Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP-GRA) o Mod pengajian adalah Penyelidikan sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> o Pelajar PhD (maksima RM2,500) o Pelajar MSc (maksima RM2,000)

V-SIRI	KETERANGAN	Catatan
V21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Perjalanan bagi tujuan kerja lapangan dan menghadiri persidangan/seminar/bengkel dalam dan luar negara. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan peruntukan projek. ○ Justifikasi khas/ kukuh perlu diberikan jika permohonan melebihi 5% hingga 10% daripada jumlah peruntukan projek. (Keutamaan bagi kajian yang melibatkan kajian lapangan sahaja). ○ Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan hanya sekali sahaja dalam tempoh aktif geran adalah bertujuan untuk menghadiri persidangan /bengkel/seminar/ kolokium sebagai pembentang oral sahaja.
V24000 (Sewaan / Perhubungan dan Utiliti)		
V27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja. 	
V28000 (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)	<ul style="list-style-type: none"> ● Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan penyelidikan ● Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan. 	
V29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	<ul style="list-style-type: none"> ● Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultasi, khidmat kepakaran, suntingan Bahasa, caj bank, pembaharuan lesen perisian. ● Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran penerbitan dll. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama tidak dibenarkan.
V35000(Peralatan dan Aksesori)	Pembelian alatan dan aksesori untuk penyelidikan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan peruntukan projek. ● Perlu kemukakan senarai justifikasi dan anggaran harga bagi setiap peralatan.

6.2 Perbelanjaan geran adalah secara **kawalan vot**. Beberapa peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi penyelidik :

- **Tidak dibenarkan** membuat pindaan vot keluar daripada **vot 11000**
- **Tidak dibenarkan** membuat pindaan masuk ke dalam **vot 21000** kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh
- **Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh aktif geran** dan bertujuan untuk menghadiri persidangan/bengkel/seminar/kolokium sebagai **pembentang oral sahaja**.
- **Tidak digalakkan** membuat pindaan vot masuk ke dalam **vot 35000**.
- Semua jenis pembelian melalui **Perolehan (LO)** perlu dibuat sekurang-kurangnya **3 bulan sebelum tarikh tamat** dan tuntutan perlu dilakukan **sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan**.
- **Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh tidak akan dipertimbangkan**.

6.3 Perbelanjaan dibenarkan dalam **tempoh aktif** geran. Penyelidik Utama diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah **diluluskan mengikut vot sahaja**. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Penyelidik Utama. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT**.

6.4 Setiap kelulusan dan pembelian aset/inventori perlu dikemukakan semasa pemantauan Geran. Setiap pembelian aset/inventori perlu melalui PTJ (setiap aset/inventori di PTJ adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Aset PTJ) untuk tujuan penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan rekod PTJ.

7.0 Hasil Penyelidikan

7.1 Penerbitan

- Setiap projek perlu menerbitkan sekurang-kurangnya **satu (1)** penerbitan dalam :

Bidang Sains	Jurnal <i>Web of Science-WoS (ISI)</i>
Bidang Bukan Sains.	<i>Jurnal Web of Science-WoS (ISI) /Scopus/ERA</i>

- Penerbitan perlu lengkap dengan penghargaan kepada pemberi dana seperti format berikut **Universiti Teknologi Malaysia, Nama Geran (UTMER) dan no rujukan geran / no. cost center** dicatatkan di bahagian *acknowledgement* penerbitan yang dihasilkan.
- Penghargaan (*acknowledgement*) bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja.

7.2 **Bakat**

- Setiap projek perlu melatih sekurang-kurangnya **satu (1)** pelajar siswazah mod penyelidikan dalam tempoh **enam (6) bulan**.
- 7.3 Sebarang proses atau produk baharu yang boleh dipatenkan hasil daripada kajian perlulah melalui Pusat Inovasi dan Komersialisasi (ICC). Semua harta intelek yang terhasil daripada geran GUP adalah tertakluk kepada polisi IP Universiti Teknologi Malaysia.
- 7.4 Penyelidik perlu memastikan pencapaian *output*/hasil penyelidikan projek seperti yang dinyatakan. Sekiranya penyelidik **gagal mencapai *output*/hasil penyelidikan yang telah ditetapkan sama ada semasa pelaporan Laporan Kemajuan atau Laporan Akhir, secara tidak langsung akan mempengaruhi peluang penyelidik untuk mendapat geran dalaman pada masa hadapan serta berkemungkinan disenarai hitam.**

8.0 **Penilaian**

- 8.1 Permohonan Geran GUP akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut Research Alliance. Jawatankuasa ini akan dilantik oleh Universiti mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing.
- 8.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria bagi Geran GUP. Penilaian dan pemarkahan geran akan diberikan berpandukan kriteria yang telah ditetapkan.
- 8.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria bagi Geran GUP. Penilaian dan pemarkahan geran akan diberikan berpandukan Sembilan (9) *Signature Research* berikut;

1. *Biomedical and Healthcare Engineer*
2. *Natural Product, Biorefinery and Biotechnology*
3. *Sustainable Resilient Urbanisation*
4. *Smart Mobility*
5. *Next Generation Systems and Networks*
6. *Smart Living and Sustainable Cities*
7. *Energy Security*
8. *Water Security*
9. *Smart Manufacturing and Materials*

9.0 **Keputusan dan Penawaran**

- 9.1 Keputusan penilaian dan pemilihan proposal akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP) dan keputusan adalah MUKTAMAD.
- 9.2 Makluman awal penawaran geran di bawah kelulusan secara bersyarat **akan ditangguhkan atau terbatal secara automatik** berdasarkan kriteria berikut :

(a) Tidak Menyerahkan Laporan Akhir

- Penangguhan penawaran juga dilaksanakan sekiranya **Penyelidik tidak mengemukakan laporan akhir projek-projek lain** (terutamanya geran/dana dalaman Universiti) yang telah tamat tempoh penyelidikan.

Nota :

Sekiranya berlaku ketidak akuran atau ketidak patuhan bagi perkara tersebut dan Penyelidik tidak memenuhi tarikh tutup yang dimaklumkan dalam surat tersebut, Penyelidik berkemungkinan disenarai hitam dan secara automatik penawaran geran tersebut ditarik semula.

(b) Tiada Maklum Balas Daripada Penyelidik

- Penawaran geran ini akan terbatal secara automatik mengikut tarikh yang dinyatakan dalam surat makluman keputusan awal sekiranya tiada sebarang maklum balas daripada Penyelidik.

10.0 Pemantauan Geran

- 10.1 Pemantauan Geran GUP dijalankan sebanyak **2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember** setiap tahun.
- 10.2 Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran GUP sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan.
- 10.3 Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan secara penuh selepas geran penyelidikan di aktifkan
- 10.4 Sekiranya didapati **pencapaian carta perbatuan (*milestone*) dan/atau prestasi perbelanjaan peruntukan geran tidak memuaskan atau geran tersebut tidak memberi *outcome* yang relevan, Panel Pemantauan Geran boleh mencadangkan geran tersebut untuk **ditutup**. Keputusan ini akan dibentangkan untuk kelulusan peringkat Universiti.**
- 10.5 Merujuk kepada Prosedur Pemantauan Prestasi Projek/Program Dana Penyelidikan Universiti (2019), sekiranya sesuatu projek penyelidikan tidak mencapai tahap kemajuan projek dan kewangan yang sepatutnya atau tidak mengemukakan laporan kemajuan seperti disyaratkan dalam masa yang ditentukan, RMC boleh mengambil tindakan untuk menggantung (*SUSPENDED*) aktiviti projek penyelidikan tersebut bagi tempoh tidak melebihi dua bulan sebelum tindakan penutupan (*TERMINATED*) projek dilaksanakan selepas dua (2) kali peringatan diberikan.

11.0 Pelanjutan Tempoh Geran

- 11.1 Perlanjutan tempoh Geran adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

12.0 Penutupan/Penamatan Geran

- 12.1 Semua Penyelidik Utama bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi **tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan.**
- 12.2 Semua penyelidik perlu menghantar **fail *Online Claim*** selepas projek tamat ke Bahagian Kewangan, Pusat Pengurusan Penyelidikan untuk tujuan pengesahan dokumen. Kegagalan menghantar Fail *Online Claim* boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan Pendaftaran projek penyelidikan yang baru kelak.
- 12.3 Laporan akhir yang tidak lengkap tidak diterima dan akan dikembalikan semula sehingga syarat tersebut dipenuhi.
- 12.4 Semua Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diseliasa oleh ketua dan kumpulan penyelidik apabila geran telah tamat. Walaubagaimanapun jika ianya memerlukan untuk di Pindah Hak Milik / Pelupusan, maka permohonan boleh dibuat ke Bahagian Kewangan RMC.
- 12.5 Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran juga akan menjejaskan permohonan baharu Geran Dalaman Universiti pada masa depan. **Penyelidik Utama termasuk Penyelidik Bersama juga berkemungkinan besar disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.**
- 12.6 Penyelidik Utama, Penyelidik Bersama dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Urus tadbir Pengurusan Geran Penyelidikan , Perkeliling dan Garis Panduan Perbendaharaan dan Universiti.